



PEJABAT PENDAFTAR UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

SYARAT DAN KRITERIA KENAIKAN PANGKAT PROFESOR GRED KHAS B KE PROFESOR GRED KHAS A

1. Syarat-syarat Kelayakan

- a. Profesor Kanan yang telah berada sekurang-kurangnya 2 tahun di dalam jawatan tersebut.
- b. Mencapai tahap kecemerlangan akademik yang sangat istimewa dan bermutu tinggi dan memenuhi syarat-syarat lain yang ditetapkan oleh Universiti.
- c. Diperakukan oleh Ketua Jabatan.

2. Kriteria Pemilihan

Pemilihan calon-calon untuk peringkat ini adalah berdasarkan kepada kriteria berikut :

a. Kecemerlangan Pengajaran dan Penyeliaan

- i. Menunjukkan kecemerlangan dalam pengajaran dan pembelajaran pada semua peringkat.
- ii. Mempunyai daya inovatif yang tinggi di dalam melaksanakan kepelbagaian kaedah dan mod pengajaran dan pembelajaran.
- iii. Memiliki mutu penyeliaan pelajar yang sangat tinggi di semua peringkat terutamanya penyeliaan pelajar peringkat pasca siswazah.

b. Kecemerlangan Penyelidikan dan Perundingan

- i. Keupayaan yang tinggi untuk memimpin dalam melaksanakan penyelidikan dalam bidang kepakarannya.
- ii. Hasil penyelidikan dapat memberi sumbangan yang signifikan kepada bidang akademik/ sektor industri / peningkatan ekonomi dan kesejahteraan Negara.
- iii. Kebolehan mendapatkan geran penyelidikan di peringkat kebangsaan antarabangsa.
- iv. Hasil penyelidikan dapat menjana penemuan-penemuan baru yang disanjung tinggi oleh para ilmuan sejagat.
- v. Kebolehan mewujudkan kerjasama perundingan dengan pihak luar agar kecemerlangan Universiti dapat ditonjolkan dengan lebih berkesan.
- vi. Kecemerlangan di dalam jalinan antarabangsa.

c. Kecemerlangan Kepakaran dan Inovasi

Kebolehan mengembang dan memperluaskan bidang kepakaran dan inovasi seperti secara rujukan, konsultasi dan khidmat klinikal.

d. Kecemerlangan Kepakaran dan Inovasi

Menerbitkan hasil penulisan yang bermutu tinggi di peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Keutamaan diberikan kepada penerbitan karya asli di dalam '*citation index journal*' yang terkemuka.

e. Kecemerlangan Perkhidmatan

- i. Memberi perkhidmatan yang cemerlang kepada Universiti khususnya di dalam pentadbiran akademik dan aktiviti-aktiviti lain Universiti.
- ii. Memberi sumbangan yang signifikan kepada masyarakat seperti penglibatan di dalam kerja-kerja sukarela, badan profesional serta aktiviti lain yang diiktiraf oleh Universiti.

f. Pengiktirafan

Mendapat pengiktirafan dan sanjungan di peringkat kebangsaan dan antarabangsa.